A

Mohd Irwan Shah bin Zainaul lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — RAYUAN JENAYAH NO 42H-4–02 TAHUN 2017
ANSELM CHARLES FERNANDIS PK
20 SEPTEMBER 2017

C *Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Perayu merayu terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen jenayah atas sabitan kesalahan menyebabkan cedera semasa melakukan samun di bawah s 394 Kanun Keseksaan — Sama ada hukuman adalah setimpal — Sama ada hukuman menyalahi prinsip undang-undang*

D

Perayu telah disabitkan bersalah oleh hakim mahkamah sesyen ('HMS') di atas tuduhan menyebabkan cedera semasa melakukan samun menurut s 394 Kanun Keseksaan. Di atas sabitan tersebut, HMS telah menjatuhkan hukuman penjara 14 tahun dari tarikh tangkap dan enam kali sebatan rotan. Pada mulanya perayu tidak mengaku bersalah terhadap tuduhannya dan hanya mengubah pengakuannya kepada pengakuan bersalah setelah pengadu hadir memberi keterangan. Dalam rayuan ini, perayu merayu supaya suatu hukuman yang lebih ringan dikenakan terhadapnya ekoran pengakuan bersalahnya.

E

F

Diputuskan, menolak rayuan perayu dan mengekalkan hukuman 14 tahun penjara dan enam kali sebatan rotan oleh HMS:

(1) Berdasarkan fakta kes ini dan prinsip yang diputuskan dalam kes *Public Prosecutor v Govidnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 MLJ 181, pengakuan bersalah perayu bukan merupakan perkara yang boleh meringankan hukuman yang dijatuhkan ke atasnya kerana perayu yang ditangkap secara 'red-handed' jelas tidak mempunyai pembelaan kepada pertuduhan ke atasnya (lihat perenggan 19).

G

H

(2) Perayu mempunyai sabitan lampau yang diakui olehnya bagi kesalahan berkaitan harta benda, oleh itu, adalah wajar untuk perayu dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukannya sebagai pengajaran bagi perayu (lihat perenggan 23 & 26).

I

(3) Perayu dilihat tidak pernah insaf dan kurang menyesali setiap kesalahan yang dilakukannya sebaliknya mempertingkatkan lagi kesalahannya sehingga menyebabkan kecederaan kepada orang lain. Kegagalan perayu membuat pengakuan salah pada kesempatan terawal 'earliest opportunity' yang dimilikinya turut menunjukkan kekurangan

penyesalan perayu. Oleh itu, mahkamah berpendirian bahawa hukuman tegar ('deterrent sentence') perlu dijatuhkan ke atas perayu sebagai pengajaran kepada diri perayu sendiri dan sebagai peringatan kepada masyarakat (lihat perenggan 28–29 & 31).

(4) Mahkamah berpendapat bahawa HMS telah betul mengambil kira bahawa terdapat perancangan sebelum perayu dan rakan-rakannya melakukan kesalahan ini. HMS juga telah mengambil kira bahawa kesalahan rompakan/samun yang telah dilakukan perayu merupakan kesalahan yang sering berlaku di mana hukuman yang setimpal hendaklah dijatuhkan ke atas pesalah bagi kesalahan ini supaya masyarakat akan berasa selamat dan dilindungi. Justeru, hukuman yang dijatuhkan HMS tidak menyalahi apa-apa prinsip undang-undang dan hukuman yang dijatuhkan adalah setimpal dengan kesalahan perayu (lihat perenggan 34–35, 38 & 41).

[English summary

The appellant was convicted by the sessions court judge ('the SCJ') for the offence of voluntarily causing hurt in committing robbery under s 394 of the Penal Code ('the Code'). Based on the conviction, the SCJ had passed the sentence of 14 years of imprisonment from the date of arrest and six strokes of the *rotan*. In the beginning, the appellant pleaded not guilty to the said charge and only changed his pleading to guilty after the complainant appeared to give evidence. In this appeal, the appellant appeal for a lighter sentence following his guilty admission.

Held, dismissing the appellant's appeal and maintained the sentence of 14 years of imprisonment and six strokes of *rotan* by the SCJ:

(1) Based on the facts of this case and the principle that was decided in the case of *Public Prosecutor v Govidnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 MLJ 181, the appellant's admission of guilt was not a matter that would reduce his sentence as the appellant who was caught red-handed clearly did not have defence against his charge (see para 19).

(2) The appellant had previous conviction for the offence related to properties which he admitted, thus, it was appropriate for the appellant to be given sentence which was commensurate with the offence he had committed as a lesson for the appellant (see paras 23 & 26).

(3) The appellant was seen to not be repentant and less remorseful for every offence that he had committed instead step up his offence to cause injury to others. The appellant's failure to admit his wrongdoing at the earliest opportunity that he had also showed that he was less remorseful. Thus, the court took the stand that deterrent sentence was needed to teach the appellant a lesson and serve as a reminder to the society (see paras 28–29 & 31).

(4) The court was of the view that the SCJ had rightfully considered that there was planning done before the appellant and his accomplices commit the offence. The SCJ also had taken into consideration that the offence of robbery/theft that was committed by the appellant was a frequent offence whereby the sentence should commensurate with the offence committed in order for the society to feel safe and protected. Thus, the sentence by the SCJ was lawful and commensurated with the offence committed by the appellant (see paras 34–35, 38 & 41).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 84–88.

Kes-kes yang dirujuk

Noriskandar bin Zainal Yahya v Pendakwa Raya [2017] MLJU 386; [2017] 1 LNS 472, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Yahaya bin Selaman [2006] 2 MLJ 475, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Nor Izzati bt Zulkifli [2017] 9 MLJ 582; [2017] 1 LNS 364, MT (dirujuk)
PP v Azizol bin Aisha [2015] MLJU 2227; [2016] 3 CLJ 536, MR (dirujuk)
PP v Govindnan a/l Chinden Nair [1998] 2 MLJ 181; [1998] 2 CLJ 370, MT (diikuti)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102 (dirujuk)
PP v Mohd Hazra'ai bin Zainal [2017] MLJU 1029; [2017] 1 LNS 1039, MT (dirujuk)
PP v Wong Chak Heng [1985] 1 MLJ 457 (dirujuk)
PP v Yoganathan a/l Boy Kuppu @ Uthirasan [2017] MLJU 647; [2017] 1 LNS 561, MT (dirujuk)
Wong Chee Kheong v Pendakwa Raya [2016] MLJU 1750; [2016] 7 CLJ 39, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 6, 6(2)
Kanun Keseksaan ss 379, 380, 394, 414

Nurul Jannah bt Khairul Anuar (Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan Negeri Perak) bagi pihak perayu.
How May Ling (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Anselm Charles Fernandis PK:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Sesyen Jenayah 2 Ipoh ('HMS') atas sabitan terhadap perayu di bawah s 394 Kanun Keseksaan.

[2] Hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu adalah penjara 14 tahun dari tarikh tangkap iaitu pada 14 Oktober 2016 dan enam kali sebatan rotan. Peguam perayu merayu supaya suatu hukuman yang lebih ringan dikenakan terhadapnya ekoran pengakuan bersalahnya. Setelah menimbang rayuan perayu, mahkamah ini telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan hukuman oleh HMS.

PERTUDUHAN KE ATAS PERAYU

[3] Pertuduhan terhadap perayu dipinda seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama dua orang lagi yang masih bebas pada 14.10.2016 jam lebih kurang 2.20 petang bertempat di Kedai Perabut TM Jati Group Jalan Besar Jelapang, Ipoh, di dalam daerah Kinta, di dalam Negeri Perak dengan niat telah menyebabkan cedera pada melakukan samun terhadap Md Hassan, Passport No: AG 3236927. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 394 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun yang sama.

SEKSYEN 394 KANUN KESEKSAAN

[4] Seksyen 394 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

> *394 Voluntarily causing hurt in committing robbery*
>
> If any person, in committing or in attempting to commit robbery, voluntarily causes hurt, such person, and any other person jointly concerned in committing or attempting to commit such robbery, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to fine or to whipping.

FAKTA KES

[5] Fakta kes (P5) menunjukkan bahawa pada 14 Oktober 2016 jam lebih kurang 2.20 petang, pengadu ('SP1') yang sedang berada di kedai perabotnya seorang diri telah didatangi oleh perayu bersama dua orang yang lain yang pura-pura bertanyakan harga perabot di dalam kedai tersebut.

[6] Secara tiba-tiba perayu bersama dua orang lain itu telah menolak SP1

masuk ke dalam bilik belakang kedai tersebut. Perayu bersama rakan-rakannya telah mengeluarkan pisau setiap seorang dan mengugut SP1 untuk menyerahkan semua barangan berharga dan wang tunai kepada mereka.

[7] SP1 yang takut dengan ugutan perayu dan rakan-rakannya yang bersenjatakan pisau akhirnya akur menyerahkan wang tunai berjumlah RM1,000 dan satu unit telefon bimbit jenis Samsung J1 kepada perayu dan rakan-rakannya.

[8] Selepas itu, salah seorang dari rakan perayu telah meminta SP1 menyerahkan lagi barang-barang berharga namun SP1 memberitahu bahawa tiada lagi barang berharga untuk diberi. Marah dengan jawapan SP1, rakan perayu tersebut telah menetak kepala SP1 dengan sebilah pisau hingga menyebabkan kecederaan di kepala SP1. Laporan perubatan ('P12') menunjukkan SP1 mengalami kecederaan 'Laceration Wound Over Scalp 2cm x 0.5 cm' pada bahagian kepalanya.

[9] Setelah SP1 ditetak, perayu telah cuba mengikat tangan SP1 dengan tali dan SP1 telah melawan, manakala dua orang rakan perayu tersebut telah melarikan diri bersama barangan yang disamun. Oleh kerana tidak berjaya mengikat tangan SP1, perayu bertindak melarikan diri namun dikejar oleh SP1 sehingga ke luar kedai.

[10] Perayu telah cuba menaiki motosikalnya untuk melarikan diri, walaubagaimanapun SP1 sempat menarik perayu. SP1 dengan bantuan seorang lelaki bernama Mohd Safari bin Abd Hamid yang merupakan jiran kedainya telah berjaya menangkap perayu di hadapan kedainya. SP1 kemudiannya membuat satu laporan polis berkaitan kejadian tersebut.

[11] Perayu telah ditangkap semula oleh pihak polis yang datang ke tempat kejadian. Berikutan kejadian ini, SP1 mengalami kerugian sebanyak lebih kurang RM2,000.

[12] Perayu yang tidak diwakili oleh peguambela telah tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan kepadanya di mahkamah sesyen pada 26 Oktober 2016 dan meminta untuk dibicarakan.

[13] Perbicaraan telah dijalankan di mahkamah sesyen pada 25 November 2016 dan disambung semula pada 8 Februari 2017. Pada tarikh 8 Februari 2017, perayu telah mengubah pengakuan tidak bersalahnya kepada pengakuan bersalah setelah SP1 hadir memberi keterangan.

[14] Ekoran daripada pengakuan bersalah tersebut, HMS telah

mensabitkan perayu dengan kesalahan dan menjatuhkan hukuman 14 tahun penjara dari tarikh tangkap iaitu pada 14 Oktober 2016 dan enam kali sebatan rotan.

PENILAIAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[15] Mahkamah ini berpandangan bahawa HMS telah di antara lain mengambil kira mitigasi perayu dan hujahan timbalan pendakwa raya sebelum menjatuhkan hukuman. HMS juga telah mengambil kira bahawa perayu telah mengaku bersalah atas pertuduhan hanya setelah mangsa SP1 memberi keterangan di mahkamah, di mana SP1 telah mengecam perayu sebagai salah seorang di antara tiga orang yang terlibat dalam melakukan samun terhadap dirinya. Mahkamah ini juga berpandangan bahawa HMS telah tidak terkhilaf apabila memberi penimbangan kepada faktor kepentingan awam, jenis kesalahan yang dilakukan, hukuman yang diperuntukan untuk kesalahan ini dan kekerapan kesalahan merompak/samun dan mendatangkan kecederaan berlaku adalah amat berleluasa.

PENGAKUAN BERSALAH PERAYU

[16] Dalam mempertimbangkan pengakuan bersalah perayu sebagai faktor mitigasi, mahkamah ini melihat sama ada perayu mempunyai apa-apa pembelaan serta keadaan perayu ditangkap.

[17] Mengenai perakuan bersalah perayu, mahkamah ini merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Govindnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 MLJ 181; [1998] 2 CLJ 370 yang memutuskan seperti berikut:

> ... In my opinion, *a guilty plea ought to be considered in favour of the accused only when all other factors and circumstances surrounding the commission of the offence justify such a consideration. Its application in favour of the accused depends on the circumstances of each case (see Wong Kai Chuen Philip v Public Prosecutor* [1991] 1 MLJ 321; [1990] 1 LNS 146 In *Public Prosecutor v Low Kok Wai* [1988] 3 MLJ 123; [1988] 2 CLJ Rep 268) Mohamed Dzaiddin (as he then was) said at p 124:
>
> > ... In the present case, the only mitigating factor is the accused's plea of guilt. It is a principle of sentencing that whenever possible the court should take into account as a mitigating factor the fact that the accused had pleaded guilty. *The extent to which a plea of guilty is a mitigating factor must depend on the facts of each case and it cannot be a powerful mitigating factor when effectively no defence to the charge was available to the accused (see Archbold (42nd Ed) para 4–480 citing R v Davis* (1980) 2 Cr App Rep (S) 168).

[18] Di dalam kes ini, fakta menunjukkan perayu telah cuba mengikat SP1 yang pada ketika itu telahpun mengalami kecederaan di bahagian kepala bagi menghalang SP1 meminta pertolongan. Akibat daripada tindakan itu perayu

telah terlewat untuk melarikan diri berbanding dua orang rakannya yang telahpun meninggalkan kawasan kejadian terlebih dahulu. Perayu akhirnya telah berjaya ditangkap secara 'red-handed' oleh SP1 dan seorang yang bernama Mohd Safari bin Abd Hamid di hadapan kedai SP1. Perayu telah ditangkap semula oleh pihak polis juga di tempat kejadian.

[19] Berdasarkan fakta tersebut, perayu yang ditangkap secara 'red-handed' jelas tidak mempunyai pembelaan kepada pertuduhan ke atasnya. Pembelaan perayu hanya terhad kepada pengakuan bersalahnya sahaja. Maka berdasarkan kepada prinsip yang diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Govindnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 MLJ 181; [1998] 2 CLJ 370, mahkamah ini berpendapat bahawa pengakuan salah perayu tidak merupakan perkara yang boleh meringankan hukuman yang dijatuhkan ke atasnya.

[20] Mahkamah ini juga telah mengambil kira kes-kes terkini yang turut menerima pakai prinsip di dalam kes *Public Prosecutor v Govindnan a/l Chinden Nair* [1998] 2 MLJ 181; [1998] 2 CLJ 370 seperti kes *Pendakwa Raya lwn Yahaya bin Selaman* [2006] 2 MLJ 475, *Public Prosecutor v Azizol bin Aisha* [2015] MLJU 2227; [2016] 3 CLJ 536, *Pendakwa Raya lwn Nor Izzati bt Zulkifli* [2017] 9 MLJ 582; [2017] 1 LNS 364, *Noriskandar bin Zainal Yahya v Pendakwa Raya* [2017] MLJU 386; [2017] 1 LNS 472, *Public Prosecutor v Yoganathan a/l Boy Kuppu @ Uthirasan* [2017] MLJU 647; [2017] 1 LNS 561 dan *Public Prosecutor v Mohd Hazra'ai bin Zainal* [2017] MLJU 1029; [2017] 1 LNS 1039.

[21] Mahkamah ini berpendapat HMS adalah betul apabila tidak hanya melihat kepada pengakuan bersalah perayu semata-mata dalam menentukan hukuman yang wajar ke atas perayu. HMS sebaliknya turut mempertimbangkan aspek yang lebih utama seperti jenayah yang dilakukan perayu, cara jenayah tersebut dilakukan, peranan perayu dalam melakukan jenayah tersebut serta kesan jenayah tersebut kepada mangsa.

[22] Selain itu juga, mahkamah ini telah mengambil kira tindakan perayu yang menukar pengakuan bersalahnya hanya selepas SP1 hadir memberi keterangan. Mahkamah ini berpandangan bahawa sekiranya perayu benar-benar menyesali segala perbuatannya, perayu tidak perlu menunggu sehingga SP1 selesai memberi keterangan sebelum menukar kepada pengakuan bersalah. Ini menunjukkan perayu tidak benar-benar menyesali kesalahan yang telah dilakukannya.

SABITAN LAMPAU PERAYU

[23] Mahkamah ini mendapati perayu mempunyai sabitan lampau seperti yang dilaporkan di dalam laporan sabitan lampau perayu yang dieksibitkan

sebagai eksh P14. Sabitan lampau ini diakui oleh perayu di mana perayu pernah dihukum bagi kesalahan berkaitan harta benda seperti mencuri kenderaan, mencuri dalam bangunan dan memiliki barang curi.

[24] Mahkamah ini merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315 di mana Mohamed Azmi J menyatakan seperti berikut:

> ... In assessing sentence, one of the main factors to be considered is whether the convicted person is a first offender. It is for this purpose that before passing sentence, a Magistrate is required to call for evidence or information regarding the background, antecedent and character of the accused. Where the convicted person has previous records and admits them as correct, the court must consider whether the offence or offences committed previously were of similar nature as the one with which he is presently charged. The court must then consider the sentences imposed in the previous convictions for similar offences to determine whether they have had any deterrent effect on him. Where he is found to be a persistent offender for a similar type of offences, then it is in the interest of justice that a deterrent sentence should be passed and, in such case, unless there are exceptional circumstances, the quality, nature or value of the subject-matter of the offence with which he is currently charged can very rarely constitute a mitigating factor ...

[25] Kesalahan yang dilakukan perayu dalam kes ini bukanlah yang pertama kali dilakukannya. Perayu sebelum ini pernah dihukum kerana melakukan kesalahan di bawah s 380 Kanun Keseksaan sebanyak dua kali, s 379 Kanun Keseksaan juga sebanyak dua kali, s 414 Kanun Keseksaan serta ss 6 dan 6(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[26] Setelah melihat kepada sabitan lampau perayu, mahkamah ini berpandangan bahawa adalah wajar untuk perayu dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukannya sebagai pengajaran buat diri perayu.

KURANG PENYESALAN ('LACK OF REMORSE')

[27] Mahkamah ini melihat kurangnya penyesalan dalam diri perayu sebagai salah satu aspek untuk dipertimbangkan.

[28] Di dalam kes ini, laporan sabitan lampau perayu (P14) menunjukkan perayu pernah dihukum dengan pelbagai jenis kesalahan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Jika diteliti, kesalahan di bawah s 394 adalah lebih serius jika dibandingkan dengan kesalahan yang pernah dilakukan perayu sebelum ini. Perayu dilihat tidak pernah insaf dan menyesali setiap kesalahan yang dilakukannya sebaliknya mempertingkatkan lagi kesalahannya sehingga menyebabkan kecederaan kepada orang lain.

[29] Kurangnya penyesalan perayu juga dapat dilihat apabila perayu gagal membuat pengakuan salah pada kesempatan terawal 'earliest opportunity' yang dimilikinya. Sekiranya perayu benar-benar menyesali perbuatannya, perayu sudah pasti mengaku salah sejak pertama kali pertuduhan dibacakan kepadanya pada 26 Oktober 2016. Sebaliknya perayu menunggu sehingga SP1 selesai memberi keterangan sebelum menukar pengakuan bersalahnya.

[30] Mahkamah ini merujuk kepada kes *Wong Chee Kheong v Pendakwa Raya* [2016] MLJU 1750; [2016] 7 CLJ 39 di mana Mahkamah Rayuan telah menetapkan seperti berikut:

> In respect of the first accused, there was a need for a deterrent sentence because of his active role in the scheme and the lack of remorse shown. He was convicted after a trial. I therefore did not think a clang of the prison gates sentence would suffice. In the circumstances, I was of the view that a term of imprisonment of two years was more appropriate. I therefore sentenced him to two years and imposed affine of RM3m.

[31] Mahkamah ini berpendirian bahawa hukuman tegar ('deterrent sentence') perlu dijatuhkan ke atas perayu sebagai pengajaran kepada diri perayu sendiri dan sebagai peringatan kepada masyarakat bahawa perbuatan jenayah adalah sesuatu yang serius dan boleh dihukum dengan hukuman yang sewajarnya. Maka mahkamah ini berpandangan bahawa tempoh 14 tahun di dalam penjara dan enam kali sebatan rotan mampu menghadirkan rasa insaf dan sesal dalam diri perayu supaya perayu tidak akan mengulangi kesalahan yang sama atau apa-apa kesalahan lain selepas tempoh hukuman ke atasnya berakhir kelak.

Jenis kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah serius dan berat

[32] Di dalam kes ini, perbuatan perayu yang menyebabkan kecederaan dan kerugian ke atas mangsa SP1 adalah sesuatu yang serius dan perlu diberi penekanan dalam menetapkan hukuman ke atas perayu.

[33] Fakta kes telah menunjukkan bahawa perayu telah terlibat secara langsung di dalam kes ini dan tindakan perayu tersebut telah menyebabkan kecederaan di kepala dan kerugian wang ringgit kepada mangsa SP1. Perayu telah dituduh secara niat bersama bersama dengan dua orang yang lain melakukan kesalahan yang dihadapinya. Dengan itu, boleh dikatakan bahawa perbuatan menetak SP1 adalah dilakukan secara niat bersama dengan rakan-rakan sepenjenayah perayu.

[34] Dalam hal ini, mahkamah ini juga berpendapat HMS telah betul mengambil kira bahawa terdapat perancangan dari segi ketetapan cara, perancangan, bentuk dan tindakan ('pre-meditated') sebelum kesalahan ini

dilakukan oleh perayu dan rakan-rakannya. A

[35] Mahkamah ini berpandangan bahawa hukuman yang dijatuhkan HMS tidak menyalahi apa-apa prinsip undang-undang dan hukuman yang dijatuhkan adalah suatu hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan perayu. B

KEPENTINGAN AWAM

[36] Dalam mempertimbangkan aspek ini, mahkamah ini telah merujuk kepada kes *Noriskandar bin Zainal Yahya v Pendakwa Raya* [2017] MLJU 386; [2017] 1 LNS 472 yang juga merujuk kepada Hashim Yeop Sani H di dalam *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102 yang menyatakan seperti berikut: C

> *One of the main considerations in the assessment of sentence is of course the question of public interest*. On this point I need only quote a passage from the judgment of Hilbery J in *Rex v Kenneth John Ball* 35 Cr App R 164 *as follows:* D
>
> > *In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible*. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe. (Penekanan ditambah.) E F G

[37] Mahkamah ini berpuas hati bahawa HMS telah mengambil kira soal kepentingan awam apabila menyatakan di dalam alasan penghakiman beliau seperti berikut: H

> Di dalam menjatuhkan hukuman ke atas OKT, mahkamah ini memberikan pertimbangan yang lebih kepada kepentingan awam dan juga kepada mangsa berbanding dengan kepentingan peribadi OKT. Ini selaras dan berpandukan kepada prinsip hukuman yang diputuskan dalam beberapa kes terdahulu yang mengikat mahkamah ini dalam menjatuhkan hukuman yang sewajarnya dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh OKT. I

A **[38]** Mahkamah ini juga mendapati HMS telah mengambil kira bahawa kesalahan rompakan/samun yang telah dilakukan perayu merupakan kesalahan yang sering berlaku di mana hukuman yang setimpal hendaklah dijatuhkan ke atas pesalah bagi kesalahan ini supaya masyarakat akan berasa selamat dan dilindungi.

B

[39] Mahkamah ini telah merujuk kes *Public Prosecutor v Wong Chak Heng* [1985] 1 MLJ 457 di mana Chan H telah menjelaskan mengenai kesalahan-kesalahan yang sering berlaku adalah termasuk kesalahan rompakan/samun dan bagi kesalahan-kesalahan ini, hukuman yang setimpal
C hendaklah dijatuhkan kepada pesalahnya. Ini telah dinyatakan seperti berikut:

> Although Lawton LJ spoke on burglary of private dwelling houses, there are on the other hand some other offences which are particularly rife at the moment in this country. For example; robberies, offences involving serious violence, use of a
D weapon to wound, extortion, burglary of private dwelling houses, the stealing of car accessories from parked vehicles, motorcar theft and purse or handbag snatching in the streets or in stores. Crimes of that kind are rife at the present time and it is quite plain that where a person is charged with any of the offences which I have mentioned then the Courts inevitably must take a serious view.

E

[40] Hakim yang bijaksana di dalam penghakimannya juga telah mengulas seperti berikut:

> If an immediate prison sentence is necessary, as I believe to be the case here, then it should be consistent with the duty to protect the interests of the public and to
F punish and deter the criminal. To use the words of Lawton LJ in *R v Davies* (1978) 67 Cr App Rep 207 at p 210:
>
> > the courts have to make it clear that crime does not pay and the only way they can do so is by the length of sentences. Sentences show the court's disapproval, on behalf of the community, of particular types of criminal conduct.

G

[41] Setelah meneliti alasan hukuman HMS, tidak terdapat apa-apa yang boleh dikatakan telah mengingkari prinsip-prinsip hukuman dan di dalam apa keadaan pun tidak boleh dianggap sebagai sesuatu hukuman yang berlebihan
H atau 'manifestly excessive' di dalam keadaan kes ini.

[42] Hukuman maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan di bawah s 394 adalah penjara selama tempoh yang boleh sampai 20 tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat. Hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu
I oleh HMS ialah 14 tahun penjara dan enam kali sebatan rotan. Mahkamah ini berpandangan bahawa HMS dalam semua keadaan telah tidak menghukum perayu melebihi apa yang diperuntukkan oleh undang-undang. HMS telah mengambil kira semua prinsip-prinsip hukuman apabila menjatuhkan hukuman ke atas perayu. Mahkamah ini juga percaya bahawa hukuman yang

dijatuhkan ke atas perayu adalah hukuman yang wajar dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan perayu.

KESIMPULAN

[43] Mahkamah ini menolak rayuan perayu terhadap hukuman dan mahkamah ini juga mengekalkan hukuman 14 tahun penjara dan enam kali sebatan rotan yang dijatuhkan oleh HMS.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Jacqueleen Kho